




**MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD** (Company No. 902884V)  
(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

## KENYATAAN PERMOHONAN MENGEMUKAKAN CADANGAN (RFP)

MRT Corp. ingin mempelawa bakal Pemohon untuk mengambil bahagian di dalam tender bagi perkhidmatan seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah.

TAJUK RFP DAN NOMBOR RFP	KRITERIA MANDATORI	SYARAT-SYARAT RFP	PENDAFTARAN RFP
<b>REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) FOR THE APPOINTMENT OF CONSULTANT FOR FINANCE PROCESS AND SYSTEM ENHANCEMENT</b> (RFP NO: RFP/PD/Q06-2025)	<ol style="list-style-type: none"><li>Dana Pemegang Saham untuk tahun kewangan terkini hendaklah mencatat nilai positif.</li><li>Pendapatan Kumulatif Sebelum Faedah, Cukai, Susut Nilai, dan Amortisasi (EBITDA) untuk 5 tahun berturut-turut yang terdahulu hendaklah mencatat nilai positif.</li></ol>	<p><b>Memiliki sijil sah pendaftaran dengan:</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</li><li>Kementerian Kewangan Malaysia</li></ol>	<p>Semua Pemohon dikehendaki membuat pra-pendaftaran secara dalam talian di salah satu pautan dibawah:-</p> <ol style="list-style-type: none"><li>Laman Web MRT Corp <a href="http://www.mymrt.com.my">www.mymrt.com.my</a> ;</li><li>Mengimbas Kod QR yang disediakan.</li></ol>  <p>Pendaftaran akan bermula pada hari <b>Khamis, 20 Februari 2025</b> hingga <b>Rabu, 26 Februari 2025</b>. Dokumen RFP akan diberikan melalui e-mel setelah pendaftaran anda diluluskan.</p>

- Dokumen tender akan diberikan kepada Pemohon yang layak tanpa sebarang bayaran melalui alamat e-mel yang didaftarkan.
- Pemohon wajib menyerahkan dokumen tender yang sudah lengkap termasuk segala maklumat sokongan yang diperlukan dan ditetapkan di dalam dokumen tender.
- Tarikh serahan bagi dokumen tender adalah pada **Jumaat, 7 Mac 2025** tidak lewat dari jam 12:00 tengahari. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya Pemohon lewat menyerahkan dokumen tender tersebut selepas tarikh dan masa yang ditetapkan.
- Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar di dalam sampul surat bermeteri yang ditandakan dengan jelas tajuk tender dan nombor tender di bahagian atas tengah sampul surat di alamat berikut:

**Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd**  
**Jabatan Perolehan (Kaunter Tender),**  
Tingkat 6, Menara I&P 1,  
No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara,  
50490 Kuala Lumpur.

**Nota:**

- Penyertaan melalui syarikat Usahasama/Konsortium adalah tidak dibenarkan.
- MRT Corp. berhak untuk menolak serahan dokumen tender daripada mana-mana Pemohon tanpa menyatakan sebarang sebab atau memaklumkan kepada Pemohon mengenai alasan penolakan atau menanggung sebarang liabiliti kepada Pemohon terhadap penolakan serahan dokumen tender tersebut.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di e-mel kepada [procurement@mymrt.com.my](mailto:procurement@mymrt.com.my). Pemohon boleh melayari laman web kami di [www.mymrt.com.my](http://www.mymrt.com.my) untuk maklumat lanjut mengenai MRT Corp.